

## **Red dresses to be auctioned to raise awareness on heart disease in women**

Ten red dresses designed by international and local designers will be auctioned to support the Singapore Heart Foundation in raising awareness on heart disease and stroke, the number 1 killer of women worldwide.

This initiative is a collaboration between MasterCard and the Singapore Heart Foundation. MasterCard cardholders can bid for the dresses from 8 May to 7 June at [www.myheart.or.sg](http://www.myheart.or.sg). The minimum amount for each bid is \$500. The dresses can be viewed at St Regis and Isetan Scotts.

Three limited edition Samsung Ultra Touch mobile phone and accessory sets will also be available for bidding starting at \$1000. These have been designed by Singapore-born Ashley Isham in collaboration with Lee Hwa Jewellery.

According to the World Health Organization (WHO), heart disease and stroke accounted for 33.4% of deaths in women and 33.1% in men. Only 8% of women are aware that the number one killer of women in Singapore is heart disease and stroke.

All proceeds from the auction will benefit the Singapore Heart Foundation.

# Lelongan gaun merah bagi kempen tingkat kesedaran wanita tentang sakit jantung



**LELONGAN BAGI MENYOKONG KESIHATAN JANTUNG:** Gaun-gaun berwarna merah yang dipakai oleh peragawati akan dilelong bagi usaha menghasilkan kesedaran dan pengetahuan tentang kesihatan jantung di kalangan wanita. Bersama mereka ialah Duta Yayasan Jantung Singapura (SHF) bagi kempen *Go Red for Woman 2008/2009*, Cik Abidah Mahmood (empat dari kanan), pengerusi SHF, Profesor Terrance Tan (bertali leher), dan Naib Presiden, Komunikasi Asia/Pasifik, Timur Tengah & Afrika, Mastercard Antarabangsa, Cik Georgette Tan (lima dari kiri). – Foto TUKIMAN WARJI

SEBANYAK 10 gaun merah yang direka khas para pereka fesyen dari luar dan dalam negara akan dilelong demi menyokong kempen antarabangsa meningkatkan kesedaran wanita bahawa sakit jantung merupakan pembunuh nombor satu bagi golongan hawa.

Kempen *Go Red For Woman* itu anjuran MasterCard dengan kerjasama Yayasan Jantung Singapura (SHF).

Dalam kempen tersebut, pemilik kad MasterCard boleh meletakkan harga lelong serendah \$500 dari 8 Mei hingga 7 Jun, dengan kesemua 10 gaun merah itu dipamerkan dalam laman [www.my-heart.org.sg](http://www.my-heart.org.sg).

Orang ramai juga boleh melihat pameran rekaan pereka setempat itu di Hotel St. Regis Singapore, manakala Isetan Scotts memamerkan rekaan gaun pereka luar negara.

Selain daripada 10 gaun itu, syarikat Samsung turut menyumbangkan tiga telefon bimbit Ultra Touch berserta set aksesori istimewa untuk dilelong bermula daripada \$1,000.

Ketiga-tiga set aksesori telefon bimbit tersebut direka khas oleh pereka terkenal Singapura, Ashley Isham, dengan usahasama Lee Hwa Jewellery.

Menurut kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 2007, sakit jantung dan angin ahmar mengakibatkan 33.4 peratus kematian wanita berbanding 33.1 peratus bagi lelaki.

Namun, hanya lapan peratus daripada wanita Singapura mengetahui tentang penyakit tersebut.

Duta kempen *Go Red For Woman 2008/2009* SHF, Cik Abidah Mahmood, berkata warna merah dipilih kerana ia melambangkan warna jantung.

“Merah adalah semangat dan merah juga merupakan amaran. Angin ahmar dan sakit jantung merupakan pembunuh nombor satu di Singapura.

“Sebagai seorang wanita, kita harus menjaga kesihatan peribadi serta keluarga agar dapat hidup dalam keadaan sihat dan bahagia,” katanya dalam satu sidang akhbar di Hotel St. Regis baru-baru ini.

Kempen kesedaran tersebut dimulakan sejak 2005 dan SHF telah menganjurkan pelbagai acara untuk meningkatkan kesedaran wanita tentang risiko menghadapi penyakit itu dan menasihatkan mereka supaya kerap membuat pemeriksaan.

Kesemua wang yang terkumpul daripada lelong tersebut akan disalurkan ke SHF.